



ROMBONGAN membawa dulang hantaran.



MOHD Tahrir (kanan) memulakan istiadat akad nikah.



# MAHLIGAI CINTA BERSATU

## ■ Tunku Tun Aminah sah digelar isteri Dennis Muhammad

Izliailly Nurul Ain Hussein  
izliailly@hmetro.com.my

Johor Bahru

Anggun berbusana tradisional Johor dalam istiadat yang menampilkan kekayaan warisan serta adat istiadat Diraja Johor, puteri tunggal Sultan Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim sah bergelar isteri kepada Dennis Muhammad Abdullah, semalam.

Anakanda kedua Sultan Ibrahim Iskandar itu sah bergelar isteri kepada Dennis Muhammad dengan sekali lafaz yang disempurnakan pemuda Belanda itu dalam bahasa Malaysia pada Istiadat Akad Nikah di Istana Bukit Serene di sini.

Pasangan Diraja itu dinikahkan Mufti Johor Datuk Mohd Tahrir Samsudin yang diperkenankan Sultan Ibrahim menjadi wakil rasmi baginda pada majlis itu.

Dalam kenyataan media Pejabat Media Diraja (RPO) Johor, keluarga pengantin wanita yang diwakili

Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor Datuk Abdul Rahim Ramli menyerahkan sembilan dulang hantaran berbalas tujuh dulang daripada pengantin lelaki.

Rombongan pengantin lelaki diwakili Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Datuk Ismail Karim yang dilantik menjadi keluarga angkat Dennis Muhammad.

Kedua-dua pihak bertukar hantaran dibawa masuk oleh anggota Askar Timbalan Setia Negeri (ATSN).

Antara hadiah disampaikan keluarga diraja Johor buat pengantin lelaki adalah cincin emas, al-Quran, sejadah, persalinan baju Melayu Teluk Belanga dan sampung, sirih junjung, kek, bunga rampai dan halwa maskat.

Terdahulu, berlangsung istiadat pertunangan dan majlis itu disaksikan Sultan Ibrahim dan Permaisuri Johor Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta ahli keluarga dan rakan terdekat.

Turut berangkat, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che' Puan Khaleeda Bustamam, Tunku Temenggong

Johor Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim, Tunku Panglima Johor Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim dan Tunku Putera Johor Tunku Abu Bakar Sultan Ibrahim.

Hadir sama, ibu bapa Dennis Muhammad, Martin dan Henriette Verbaas, ahli keluarganya dan rakan terdekat dari Belanda.

Menurut RPO Johor, selesai istiadat akad nikah, Dennis Muhammad dibawa ke bilik tingkat atas istana bagi menyempurnakan istiadat menyarung cincin.

Beliau kemudian menyarungkan cincin perkahwinan ke jari manis tangan kanan Tunku Tun Aminah serta menyerahkannya mas kahwin sebanyak RM22.50.

Pasangan diraja itu mengenakan baju kurung Teluk Belanga dan baju Melayu Teluk Belanga serba putih dengan Dennis Muhammad mengenakan songkok serta dua kerongsang sama digunakan oleh Almarhum Sultan Iskandar pada

hari perkahwinannya yang diberikan oleh bondanya, Sultanah Aminah Ungku Ahmad.

Mereka kemudian mencium tangan ibu bapa masing-masing dan ahli keluarga lain.

Sementara itu, di luar pekarangan Istana Bukit Serene, di sini, semalam, seorang pelajar dari Singapura dan bapanya mencuri tumpuan media

apabila satu-satunya orang awam yang sanggup datang dari Tampines kerana tidak mahu melepaskan peluang melihat istiadat perkahwinan pasangan diraja itu.

Muht Zakir Zakaria, 22, dan bapanya, Zakaria Rahim, 51, sanggup mengambil cuti dan bertolak dari seberang tambak selepas Subuh sebelum menunggu di hadapan istana.

Lelaki itu, bapanya dan seorang wakil media dari Singapura antara yang berkumpul di luar pekarangan istana bersama 10 pengamal media tempatan untuk membuat liputan istiadat perkahwinan itu yang bermula semalam dengan istiadat pertunangan dan pernikahan.

Dia yang begitu teruja berkata, dia amat menyukai kesederhanaan Tunku Tun Aminah dan sifat belas kasihan puteri itu terhadap haiwan.

"Melihat beliau ketika memberi bantuan dalam kejadian kebakaran di Hospital Sultanah Aminah dulu betul-betul menarik perhatian saya.

"Saya mula meminati keluarga diraja Johor, lebih-lebih lagi apabila bertemu sendiri dengan Tunku Tun Aminah di sebuah cafe di bandar raya ini sejak setahun lalu.

"Beliau seorang yang ramah dan saya sangat suka peribadinya selain gaya fesyen yang sering digayakannya," katanya.

Seawal 8.45 pagi semalam, kelihatan Sultan Ibrahim dan

Raja Zarith Sofiah tiba memasuki gerbang istana sebelum diikuti keluarga diraja yang lain termasuk Tunku Ismail.

Turut dilihat memasuki pekarangan istana ialah keluarga diraja Pahang dan Perak dan diakhiri dengan ketibaan Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sebelum pagar istana itu ditutup 9.45 pagi untuk memberi laluan kepada istiadat diadakan secara tertutup itu.

**FAKTA**  
Dennis Muhammad menyerahkannya RM22.50 sebagai mas kahwin






DENNIS Muhammad menyarung cincin ke jari Tunku Tun Aminah.



ORANG ramai melihat skrin besar perkahwinan Tunku Tun Aminah di Bangunan MJB.



KENDERAAN yang membawa Tunku Tun Aminah dan Dennis Muhammad Abdullah memasuki Istana Besar.

DENNIS Muhammad mengucup dahi Tunku Tun Aminah selepas Istiadat Akad Nikah yang berlangsung di Istana Bukit Serene, Johor Bahru.

## Perkahwinan paling meriah tahun ini

**Johor Bahru:** Majlis perkahwinan puteri tunggal Sultan Johor, detik yang dinanti-nantikan rakyat Johor selain diibaratkan sebagai perkahwinan paling meriah di negeri ini pada tahun ini.

Rasa syukur rakyat Johor dizahirkan apabila mereka tidak ketinggalan menonton tayangan langsung istiadat persandingan Puteri Sultan Johor Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim bersama suami Dennis Muhammad Abdullah menerusi skrin digital gergasi di tempatkan di Dataran Bandaraya Johor Bahru di sini, semalam.

Tinjauan di Dataran Bandaraya mendapati penduduk mula memenuhi ruang legar dataran pada jam 7.30 malam untuk menyaksikan secara langsung istiadat bersejarah berkenaan.

Segelintir penduduk datang bersama keluarga, bersama pasangan termasuk rakan bagi melihat sendiri proses dan upacara Istiadat Perkahwinan Diraja Johor.

Rata-rata pengunjung ditemui mengucapkan perasaan teruja mereka selain menzahirkan kata tahniah kepada pasangan pengantin berkenaan.

Pekerja swasta, Manja Zainuddin, 29, yang datang bersama ibunya, Adib Abu

Bakar, 57, berkata ia kali pertama mereka menyaksikan istiadat berkenaan.

“Memang kami sudah rancang datang ke sini sejak seminggu lalu.

“Saya menerima maklumat berkaitan majlis ini menerusi laman sosial facebook dan memang sentiasa mengikuti perkembangan keluarga kerabat,” katanya.

Pasangan diraja itu diraikan di Bilik Singgahsana Istana Besar Johor Bahru, istiadat bermula 8.35 malam semalam.

Kira-kira 1,200 tetamu menghadiri majlis ringkas tapi penuh bermakna itu.

Pengantin perempuan mengenakan baju kurung Teluk Belanga manakala pengantin lelaki mengenakan baju Melayu Teluk Belanga.

Berangkat ke istiadat terbahit Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar, Permaisuri Johor Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah, kerabat serta rakan terdekat.

Berangkat sama, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che' Puan Khaleeda Bustaman, Tunku Temenggong Tunku Idris, Tunku

Panglima Tunku Abdul Rahman dan Tunku Putera Johor Tunku Abu Bakar.

Hadir sama, ibu bapa Dennis Muhammad, Martin dan Henriette Verbaas, ahli keluarga dan rakan terdekat dari Belanda.

Kira-kira 1,200 tetamu kenamaan termasuk Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin turut menghadiri majlis itu.

Istiadat merenjis dan menepung tawar dimulakan Sultan Hassanal Bolkiah dan isteri, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha diikuti Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah.

Istiadat turut disempurnakan Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan isteri, Tunku Azizah Almarhum Sultan Iskandar serta Tunku Ismail dan Che' Puan Khaleeda.

Istiadat kemudiannya diakhiri dengan bapa dan ibu Dennis Muhammad, Martin dan Henriette Verbaas.